

Pas perlu buktikan bukan 'pak turut' DAP, PKR

Utusan Online

04 Jun, 2012

KEPALA BATAS 3 Jun - Pas perlu membuktikan ia memiliki suara di dalam pakatan pembangkang dan bukannya hanya sebagai 'pak turut' kepada DAP dan Parti Keadilan Rakyat (PKR) sekiranya berhasrat untuk menggantikan UMNO sebagai parti utama orang Melayu-Islam.

Ketua Penerangan Pemuda UMNO, Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican berkata, ini kerana di dalam pakatan pembangkang tidak tahu siapa parti utama, bukan seperti Barisan Nasional (BN) iaitu UMNO adalah tunjang utama di samping parti-parti komponen yang lain.

Menurutnya, Pas hendaklah menjadi tunjang di dalam pakatan pembangkang terlebih dahulu sebelum berhasrat menjadi parti tunggal membela orang Melayu dan Islam di negara ini.

"Pas ternyata berbeza dengan UMNO yang kini menjadi teras kepada BN kerana mereka sendiri gagal memiliki kerusi yang lebih berbanding komponen pakatan pembangkang yang lain.

"Jika Pas pun masih bertanding kerusi yang kurang berbanding PKR dan DAP, bagaimana mereka mahu menjadi pengganti UMNO sebagai parti utama masyarakat Melayu-Islam?" katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Reezal yang juga Ketua Pemuda UMNO Kepala Batas mengulas kenyataan Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang yang mendakwa parti itu sudah bersedia menggantikan UMNO sebagai parti utama orang Melayu-Islam di negara ini.

Malah, Abdul Hadi juga mendakwa pakatan pembangkang telah bersedia menggantikan BN untuk memerintah negara ini.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/info.asp?y=2012&dt=0604&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_07.htm